

Interpretasi Reka Corak Geometri Dalam Iluminasi Dalail Al-Khairat Terengganu

Interpretation Of Geometric Pattern Design In The Illumination Of Dalail Al-Khairat Terengganu

Mazni Omar^a, Marzuki Ibrahim^{b*}, Razi Yaakub^c, Hartini Mohd Razalia^a, Siti Fairuz Md Hashima^d, Noorhafiza Ghazalia^a, Wan Soliana Wan Md Zain^a

^a*Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.*

^b*Pusat Pengajian Reka Bentuk, Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.*

^c*Fakulti Pengajian Umum & Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.*

^d*Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Kampus Machang, Kelantan, Malaysia.*

**Corresponding author: marzukiibrahim@unisza.edu.my.*

Article history

Received: 2025-03-25 Received in revised form: 2025-07-08 Accepted: 2025-07-09 Published online: 2025-10-31

Abstract

Illumination in Islamic manuscripts is not merely a form of visual decoration, but also serves as an important medium for conveying values and beliefs within Islamic civilization. However, most previous studies have tended to focus on the technical and aesthetic aspects, without deeply exploring the underlying meanings behind the geometric designs used. This gap highlights the need to understand how geometric forms in illumination actually communicate deeper spiritual messages and values. Therefore, this study aims to analyse the variations of geometric patterns found in the illumination of the Dalail Al-Khairat Terengganu manuscript (MSS2586), held in the collection of the National Library of Malaysia (PNM), Kuala Lumpur. This study also discusses the interpretation of the different types of geometric patterns discovered, based on the perspective of Islami design principles. A qualitative approach was employed, using visual observation and literature review as the main methods. Two illuminated pages with prominent geometric patterns were analysed through a formalistic approach and interpreted using Charles Sanders Peirce's semiotic theory. The findings reveal that the geometric patterns in this manuscript carry profound meanings related to religious values such as the oneness of God, the balance of nature, and harmony. This study offers significant contributions to the deeper understanding of Malay-Islamic manuscript illumination and highlights its role as a cultural heritage that unites artistic beauty with spiritual values.

Keywords: illumination, geometric patterns, Dalail Al-Khairat, semiotics.

Abstrak

Iluminasi dalam manuskrip Islam bukan sekadar hiasan visual semata-mata, tetapi juga menjadi medium penting untuk menyampaikan nilai dan kepercayaan dalam tamadun Islam. Namun, kebanyakan kajian terdahulu lebih menekankan aspek teknikal dan estetik tanpa menggali secara mendalam maksud yang tersirat di sebalik reka corak geometri yang digunakan. Kekurangan ini menimbulkan keperluan untuk memahami bagaimana bentuk-bentuk geometri dalam iluminasi sebenarnya menyampaikan mesej dan nilai spiritual yang lebih mendalam. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis variasi reka corak geometri yang terdapat dalam iluminasi manuskrip Dalail Al-Khairat Terengganu (MSS2586) dari koleksi simpanan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Kuala Lumpur. Kajian ini turut membincangkan interpretasi di sebalik jenis-jenis reka corak geometri yang ditemui berdasarkan perspektif reka corak Islami. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pemerhatian visual dan sorotan literatur. Dua halaman manuskrip yang mempunyai iluminasi dengan reka corak geometri dianalisis menggunakan pendekatan formalistik dan teori semiotik Charles Sanders Peirce. Hasil kajian menunjukkan bahawa corak geometri dalam manuskrip ini membawa makna yang mendalam berkaitan nilai-nilai keagamaan seperti keesaan Tuhan, keseimbangan alam dan keharmonian. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memperkaya pemahaman terhadap seni iluminasi Melayu-Islam serta mengangkat peranannya sebagai warisan budaya yang menyatukan keindahan seni dengan nilai rohani.

Kata kunci: Iluminasi, corak geometri, Dalail Al-Khairat, semiotik.

1.0 PENGENALAN

Interpretasi seni visual adalah proses pemikiran yang bertujuan untuk mencari makna tersembunyi dalam sebuah karya dengan meneliti makna yang tersirat. Ia menekankan kepentingan memahami makna secara langsung sebelum dapat mengupas makna yang lebih mendalam. Proses ini berfungsi sebagai jembatan antara teks dan maknanya. Dalam interpretasi, terdapat tiga aspek utama mengurai, menjelaskan, dan menerjemahkan yang saling berkait dan memerlukan pendekatan yang tepat bagi memastikan pemahaman yang menyeluruh (Siti Humaiza Said Ahmad, 2023). Interpretasi dalam seni merujuk kepada proses memahami, menafsirkan, dan memberi makna kepada karya seni. Ini melibatkan penggunaan pengetahuan, pengalaman, persepsi, dan konteks individu untuk membuat pengertian yang subjektif terhadap karya seni tersebut. Interpretasi dalam seni adalah proses yang sangat subjektif, di mana setiap individu boleh mempunyai persepsi yang berbeza-beza terhadap karya seni yang sama berdasarkan latar belakang, budaya, dan pengalaman mereka sendiri. Apabila seseorang menginterpretasikan karya seni, mereka mungkin mengambil kira elemen-elemen seperti warna, bentuk, komposisi, teknik, dan tema. Mereka juga boleh memperhatikan konteks sejarah, budaya, atau sosial di mana karya seni itu dihasilkan. Interpretasi juga boleh dipengaruhi oleh pengetahuan tentang seniman itu sendiri, termasuk tujuan, gaya seni, peristiwa atau faktor yang mempengaruhi mereka. Selain itu, interpretasi juga boleh memperkenalkan lapisan-lapisan makna yang lebih mendalam kepada karya seni, termasuk makna simbolik, emosional, atau filosofikal. Oleh itu, interpretasi dalam seni merupakan proses yang kompleks dan sering kali subjektif, yang membolehkan penonton untuk membuat perkaitan peribadi dengan karya seni dan menghasilkan pemahaman yang bermakna bagi diri mereka sendiri. Dalam erti kata lain, tujuan interpretasi ialah ‘memindahkan’ erti (Rohidi, T.R. & Husain, A.H., 2015).

Definisi simbol merujuk kepada sesuatu perwakilan, perlambangan atau tanda. Ia digunakan dalam pelbagai konteks yang memaksa masyarakat untuk berfikir dan menterjemahkannya. Ia berfungsi sebagai sebuah instrumen untuk menyatakan tentang sesuatu. Elemen-elemen seperti gambar, imej, objek atau warna boleh digunakan untuk menyampaikan mesej, idea, konsep, kepercayaan, sikap atau perasaan yang kompleks dan terbuka kepada interpretasi yang pelbagai (Dewan Bahasa & Pustaka, 2025). Dalam konteks kesenian, penggunaan simbol memberikan penghayatan yang lebih mendalam terutamanya dalam karya seni dan ia mewujudkan interaksi antara satu sama lain dengan lebih mendalam. Malah penggunaan simbolisme telah digunakan secara meluas pada zaman Renaissance yang mana banyak melibatkan imej keagamaan.

Dalam seni Islam, pendekatan ini berkembang luas melalui penggunaan corak geometri, yang bukan hanya berperanan menghias tetapi juga menjadi manifestasi konsep metafizik seperti kesempurnaan, keabadian dan ketuhanan (Ensaif & Kishor, 2025). Salah satu cabang seni Islam yang banyak menampilkan unsur simbolik ini ialah iluminasi manuskrip iaitu seni menghias teks dengan corak hiasan pada margin, halaman pembuka, dan bingkai ayat. Corak geometri yang digunakan biasanya berulang, simetri dan kompleks, mencerminkan prinsip tawhid serta keteraturan ciptaan Tuhan. Warna, susunan bentuk, dan orientasi geometri dalam iluminasi sering dianggap mewakili hubungan antara dunia zahir dan batin (Hahn et al., 2024). Dalam konteks ini, bentuk geometri bukan sekadar estetika tetapi juga medium komunikasi spiritual.

Iluminasi ialah suatu bentuk seni hiasan yang digunakan dalam penulisan manuskrip Islam, di mana motif visual seperti bentuk geometri, bunga atau corak abstrak digunakan untuk memperindah struktur teks. Ia sering ditemui pada awal surah, muka hadapan, margin dan bingkai teks. Iluminasi dalam manuskrip Islam sering menampilkan reka corak geometri yang

tersusun secara simetri dan berulang, mencerminkan prinsip tauhid (keesaan Tuhan) serta menggambarkan keseimbangan kosmik yang menjadi asas pemikiran Islam (Critchlow, 1976). Walaupun seni ini telah lama menarik minat para pengkaji, kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada aspek estetik dan teknikal, tanpa memberikan perhatian yang mendalam terhadap makna simbolik dan dimensi falsafah corak tersebut. Kajian-kajian seperti Necipoğlu (1995) turut mengkritik pendekatan yang memisahkan bentuk daripada konteks budaya dan spiritual Islam, sedangkan setiap elemen visual dalam iluminasi memiliki fungsi simbol yang mencerminkan sistem pemikiran dan nilai-nilai rohani yang lebih luas. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis makna simbolik dalam reka corak geometri melalui pendekatan semiotik, khususnya berdasarkan teori Charles Sanders Peirce.

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 Seni Islam

Seni Islam adalah salah satu cara bagi seniman Muslim untuk menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT sebagai Pencipta alam semesta. Seni ini bertujuan mendidik umat Islam tentang keindahan dan kesempurnaan Islam, selaras dengan ajaran yang terkandung dalam al-Quran.

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan (pada) pertukaran malam dan siang dan

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِثَاتِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ
وَالْفُلِّ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ
اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَخْبَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ
فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ
بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

(pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Dia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.” (Surah Al-Baqarah. Ayat 164).

Sebagai umat Islam, kita harus mempelajari dan menghayati daripada keindahan alam. Meskipun kita telah beriman kepada Allah SWT dengan sepenuh hati, terkadang kita lupa akan kuasa-Nya yang maha besar terhadap segala makhluk. Oleh itu, dengan merenungi kebesaran ciptaan Allah SWT, kita dapat memperkuat keimanan kita kepada-Nya.

Al-Faruqi menekankan bahwa intipati dari pengetahuan dan kebudayaan Islam terletak pada agama Islam itu sendiri. Hakikat sebenar Islam adalah tauhid yang merupakan prinsip utama dalam Islam, kebudayaannya, dan ilmunya. Tauhid adalah faktor penentu utama yang memberikan identiti kepada peradaban Islam. Tauhid membentuk kerangka sains dan budaya yang unik. Ini memastikan bahwa unsur-unsur sains dan budaya tersebut berjalan seiring dan mendukung satu sama lain. Oleh karena itu, tauhid menjadi pusat dari pengetahuan, kebudayaan, dan ilmu dalam tradisi Islam, menjadi inti atau hakikat dari segala sesuatu yang berkaitan dengan

Islam. Berdasarkan kajian barat, seni Islam terdiri daripada dua kategori iaitu 'seni utama' iaitu mozek, seni bina, pahatan, lukisan dinding dan ornamen hiasan pada kayu. Keduanya disebut 'seni minor', sebagai contoh dari barangan logam, tembikar dan kaca, kayu, iluminasi manuskrip dan tulisan kuno. Al-Faruqi menemukan al-Quran sebagai contoh paling utama dalam ekspresi seni yang dilihat menggambarkan hasil seni utama dalam seni Islam (Hanash I. M., 2017).

2.2 Corak Geometri dalam Kesenian Islam

Corak geometri dalam seni Islam adalah ciri utama dalam seni dan senibina Islam yang menampilkan penggunaan corak geometri yang kompleks dan berulang-ulang. Corak geometri ini sering kali ditemui dalam seni bina, kain, hiasan dinding, dan hiasan-hiasan lain dalam seni Islam. Penggunaan corak geometri dalam seni Islam sering kali berkait rapat dengan larangan penggambaran figuratif dalam agama Islam. Oleh itu, corak geometri menjadi medium penting bagi seniman Islam untuk menyampaikan keindahan dan kompleksiti tanpa menggunakan gambaran wajah manusia atau haiwan (Zahra, F., & Shahir, S. B., 2022). Corak geometri dalam seni Islam tidak hanya dianggap sebagai hiasan semata-mata, tetapi juga mempunyai makna simbolik yang mendalam. Contohnya, bintang dan geometri berulang-ulang seperti segi enam melambangkan kesempurnaan, harmoni, dan ketertiban, sementara corak khat (tulisan Arab) juga boleh dianggap sebagai bentuk seni geometri yang membawa pesan-pesan keagamaan. Corak geometri dalam seni Islam sering kali menunjukkan ketepatan matematik yang tinggi dan kecekapan teknikal dalam rekabentuk dan penyusunan. Penghasilan corak-corak ini memerlukan kreativiti dan pemahaman yang mendalam tentang geometri dan simetri.

Corak geometri dalam seni Islam telah menjadi sebahagian daripada identiti budaya yang kaya dan bersejarah. Ia banyak digunakan dalam seni bina masjid, makam, madrasah, serta hiasan manuskrip sebagai lambang keindahan dan ketertiban dalam seni Islam. Pengaruhnya tidak hanya terbatas di dunia Islam, tetapi turut berkembang ke wilayah seperti Turki Uthmaniyyah, Asia Tengah, dan Afrika Utara (Necipoglu, 1995). Secara keseluruhannya, corak geometri ini bukan sekadar elemen estetika, tetapi juga mengandungi nilai simbolik yang mencerminkan keseimbangan, keteraturan, dan hubungan antara seni serta spiritualiti dalam tamadun dunia (Critchlow, 1976).

Menurut Emad Al Dein Hasan Al Fahmawee (2022), asalnya corak Islami geometri merangkumi hiasan permukaan yang dicipta dengan menggabungkan bentuk tumbuhan yang boleh diinterpretasikan dengan objek buatan dan garis-garis geometri, diatur untuk membentuk komposisi yang teratur. Reka corak Islami dibina berdasarkan sistem artikulasi dan pada akhirnya boleh disederhanakan kepada salah satu daripada sembilan elemen poligonal asas. Corak ini boleh terdiri daripada garis-garis lurus, garis-garis melengkung, atau kedua-duanya digabungkan bersama, menghasilkan kesan bergelombang atau berdaun. Terdapat bukti bahawa hiasan geometri primitif digunakan dalam tamadun Mesir awal serta di Mesopotamia, Parsi, Syria, dan India. Penggunaan corak bintang, sebagai contoh, telah digunakan secara meluas oleh Copts tetapi orang Islam adalah penguasanya sepanjang masa (Saoud, R.,2004).

2.3 Manuskrip Dalail al-Khairat

Manuskrip Dalail al-Khairat ialah sebuah kitab selawat terkenal yang dikarang oleh al-Imam al-Jazuli pada abad ke-15 Masihi dan menjadi teks penting dalam tradisi amalan keagamaan di dunia Islam, termasuk di alam Melayu. Merupakan sebuah kitab yang terkenal dalam tradisi Islam Sunni, khususnya di kalangan pengikut aliran Tasawuf (mistisisme Islam). Kitab ini ditulis oleh Imam al-Jazuli, seorang ulama dan sufi dari Maghribi, yang hidup pada abad ke-15 Masihi di wilayah yang kini dikenali sebagai Maroko. Kitab Dalail al-Khairat terkenal sebagai kumpulan

doa-doa dan zikir-zikir yang dipuji dan diamalkan oleh umat Islam dari pelbagai lapisan masyarakat. Isi kitab ini terdiri daripada himpunan doa-doa, puji-pujian kepada Nabi Muhammad SAW, dan zikir-zikir yang ditujukan kepada beliau (Burak, G., 2021). Tujuan utama kitab ini adalah untuk meningkatkan kecintaan dan penghormatan terhadap Nabi Muhammad SAW di kalangan umat Islam. Doa-doa dan zikir-zikir yang terdapat dalam kitab ini juga dianggap memiliki banyak faedah dan keutamaan rohani, seperti mendatangkan rahmat dan keberkatan.

Menurut Annabel Teh Gallop (2017), *Dalail al-Khairat* merupakan manuskrip penting selepas al-Quran dalam bidang tasawuf dan telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Ia masih diamalkan oleh banyak umat Islam hari ini terutamanya dalam konteks amalan spiritual dan zikir. Iuminasi dalam *Dalail al-Khairat* merujuk kepada hiasan-hiasan artistik yang menghiasi teks kitab tersebut. Iuminasi ini sering kali merangkumi penggunaan khat (tulisan Arab yang dihias), motif-motif geometri, bunga-bunga, dan lukisan-lukisan kecil yang menghiasi halaman-halaman kitab. Jumlah iluminasi dalam *Dalail al-Khairat* mungkin berbeza-beza bergantung kepada edisi kitab tersebut. Terdapat beberapa edisi *Dalail al-Khairat* yang mungkin mempunyai iluminasi yang berbeza-beza, bergantung kepada pelbagai faktor seperti kekayaan penerbitan, budaya tempatan, dan masa pembuatan (Yahya, F., 2021). Oleh itu, tidak mungkin untuk memberikan angka yang tepat mengenai jumlah iluminasi dalam *Dalail al-Khairat* tanpa merujuk kepada edisi tertentu dari kitab tersebut. Namun begitu, dalam amalan tradisional iluminasi dalam manuskrip klasik Islam, halaman-halaman biasanya dihiasi dengan pelbagai elemen artistik yang memperindah teks dan menambah keindahan kitab tersebut.

Manuskrip *Dalail al-Khairat* Terengganu yang dikaji dalam kajian ini merupakan salah satu naskhah tempatan yang kaya dengan iluminasi iaitu hiasan artistik dalam bentuk ragam hias geometri, flora dan kadangkala kaligrafi yang digunakan untuk memperindah halaman tertentu seperti pembuka bab atau halaman utama. Iuminasi dalam konteks ini bukan sekadar unsur estetik, tetapi membawa makna simbolik yang mencerminkan nilai keagamaan, falsafah dan identiti budaya masyarakat penghasilnya. Dalam manuskrip *Dalail al-Khairat* dari Terengganu ini, iluminasi memainkan peranan penting dalam memberi penekanan kepada struktur teks, menunjukkan penghormatan terhadap kandungan, serta menyampaikan nilai spiritual secara visual. Oleh itu, penting untuk kajian ini menjelaskan dan mentafsir bentuk-bentuk iluminasi dalam naskhah tersebut dengan pendekatan semiotik bagi menyingkap makna tersirat yang terkandung dalam motif geometri yang digunakan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis variasi reka corak geometri yang terdapat dalam iluminasi manuskrip *Dalail Al-Khairat* Terengganu (MSS2586) dari koleksi simpanan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Kuala Lumpur. Kajian ini turut membincangkan interpretasi di sebalik corak-corak geometri tersebut berdasarkan perspektif reka corak Islami.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah pemerhatian visual dan sorotan literatur. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pemerhatian sebagai teknik utama dalam pengumpulan data primer. Kaedah pemerhatian dilakukan menerusi rakaman visual manuskrip terpilih iaitu *Dalail al-Khairat* Terengganu (MSS2586) dari koleksi simpanan Perpustakaan Negara Malaysia. Pemerhatian dilakukan terhadap iluminasi ragam hias pada dua halaman manuskrip yang mempunyai halaman berbingkai serta reka corak geometri yang menonjol. Proses ini dibantu oleh rakaman imej digital resolusi tinggi yang membolehkan analisis mendalam tanpa mengganggu keadaan fizikal manuskrip asal. Di samping itu, kajian ini turut memanfaatkan

sumber sekunder yang terdiri daripada sorotan literatur akademik seperti buku, tesis dan jurnal terdahulu berkaitan iluminasi Islam, seni geometri serta pendekatan semiotik dalam seni bagi menyokong interpretasi yang dibuat.


Manakala kaedah analisis pula menggunakan analisis formalistik bagi mengenalpasti elemen seni dan reka corak geometri yang terdapat di dalam iluminasi manuskrip menggunakan perisian Adobe Illustrator. Setelah elemen seni dan rupa geometri dikenal pasti, penyelidik menggunakan teori semiotik Charles Sanders Peirce untuk menganalisis makna di sebalik reka corak geometri berdasarkan tiga komponen utama iaitu representasi, objek dan interpretasi. Dengan kaedah ini, kajian dapat mendedahkan bagaimana reka corak geometri dalam iluminasi bukan sahaja berperanan sebagai hiasan, tetapi membawa makna mendalam yang mencerminkan spiritualiti, keseimbangan, dan struktur pemikiran masyarakat.

4.1 Analisis Formalistik

Menurut Ocvirk (2013), elemen-elemen seni adalah komponen asas yang menyumbang kepada penciptaan dan penghargaan terhadap karya seni. Elemen-elemen ini termasuk garis, rupa, bentuk, warna, nilai, tekstur, dan ruang. Setiap elemen memainkan peranan penting dalam menyampaikan ekspresi artistik dan menyampaikan makna kepada pemerhati. Dengan menilai elemen-elemen ini dalam karya seni, seseorang dapat menilai impak visualnya, kemahiran teknikalnya, kreativitinya, dan keupayaannya untuk menyampaikan idea atau emosi (Omar et al., 2023)

4.2 Teori semiotik

Semiotik adalah kajian tentang tanda-tanda dan simbol-simbol, yang melibatkan semantik dan boleh digunakan sebagai kaedah untuk menganalisis makna karya seni dan menginterpretasikan bahasa visual (secara langsung atau tidak langsung). Semiotik muncul sebagai hasil dari pelbagai kajian dalam bidang linguistik. Sebagai sistem tanda yang mewakili budaya, semiotik lebih dekat dengan metafizik kerana ia menunjukkan apa yang terdapat di sebalik karya seni, dengan pola-pola interpretasi maknanya (Emad Al Dein Hasan Al Fahmawee, 2022). Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk menggunakan semiotik sebagai alat bagi kritikan moden dalam menganalisis dan menginterpretasi secara tersirat seni Islam, yang melangkaui konsep reka corak tentang kreativiti seni Islam dan estetika ke arah persepsi dalaman. Kaedah analisis semiotik Pierce (objek, representasi, dan interpretasi) digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1 : Segi tiga semiotik Pierce (Siti Fairuz, 2023).

Menurut Siti Fairuz (2023), terdapat tiga peringkat semiotik, iaitu representasi, objek, dan interpretasi seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 1.

5.0 ANALISA DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, analisa akan dilakukan terhadap reka corak yang terdapat di dalam kitab Dalail al-Khairat. Analisa in akan menumpukan kepada reka corak geometri yang terdapat di dalam iluminasi kitab yang beragam hias.

5.1 Kitab Dalail al-Khairat

Dalail al-Khairat Terengganu (MSS2586) ini merupakan koleksi simpanan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang juga turut disebut sebagai Dala'il al-khairat wa shawariq al-anwar fi dhikri al-salawah ala al-nabi dipercayai dihasilkan pada abad ke 18. Manuskrip ini berukuran tinggi 20.3 cm, lebar 16.2 cm. Manuskrip ini juga mengandungi hiasan menarik di beberapa halaman bermotifkan bunga dan daun berwarna merah, biru, hitam dan emas. Jenis bahan yang digunakan kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan, bertompokan kesan kena air di bahagian tepi kertas pada kebanyakan halaman. Manuskrip ini menyatakan tentang kelebihan selawat ke atas nabi, 201 nama Nabi Muhammad SAW, kaifiat selawat ke atas nabi dan doa-doa selepas berselawat. Tidak berjilid, dibalut dengan kulit yang dibuat daripada kertas tebal berwarna biru dan berkelepek (PNM, 2023). Halaman penuh dengan iluminasi boleh dilihat pada Rajah 2 iaitu sebagai halaman permulaan dan Rajah 3 sebagai halaman akhir iluminasi.




Rajah 2 Halaman penuh iluminasi Kitab Dalail al Khairat pada halaman permulaan.
(Sumber: PNM, 2022)



Rajah 3 Halaman penuh iluminasi Kitab Dalail al Khairat pada halaman akhir.
(Sumber: PNM, 2022)

5.2 Analisa Iluminasi Halaman Permulaan Kitab Dalail al-Khairat

Bahagian ini meneliti susun atur dan struktur iluminasi pada halaman permulaan Kitab Dalail al-Khairat. Kajian ini mendapati bahawa hiasan iluminasi pada halaman tersebut menggunakan prinsip geometri yang tersusun, di mana garisan luar dan bentuk dalaman saling melengkapi untuk membentuk komposisi simetri yang seimbang.



Rajah 4: Garisan luar pada halaman iluminasi Kitab Dalail al Khairat.

(Sumber: Penyelidik, 2024)

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4, garisan biasa merujuk kepada reka corak geometri yang kelihatan, manakala garisan putus-putus menggambarkan struktur geometri tersembunyi yang menjadi asas kepada keseluruhan reka bentuk iluminasi tersebut.


5.2.1 *Formalistik*

Reka corak halaman iluminasi ini mengandungi penggunaan unsur seni seperti garisan lurus yang menegak, melintang dan serong terutama di bahagian bingkai yang mengandungi motif flora dan tulisan khat. Warna yang harmoni bersesuaian dengan motif yang dihasilkan dan gabungan warna panas dan sejuk iaitu warna merah, kuning dan emas, coklat, biru muda, biru tua dan hitam pada teks kaligrafi. Garisan luar reka corak pada halaman iluminasi Kitab Dalail al-Khairat ini menunjukkan unsur-unsur seni dan prinsip rekaan seperti rombus, bulat, segi empat bersudut bulat dan ogi. Reka corak geometri pada struktur tersembunyi disebalik reka corak motif boleh dilihat pada bahagian tengah yang menghiasi corak geometri rombus. Pengulangan juga terdapat pada reka corak geometri iaitu ogi dan bulat.

5.2.2 *Semiotik*

- i. Representasi: menunjukkan halaman iluminasi manuskrip yang mengandungi reka corak asas geometri.
- ii. Objek: Geometri asas yang jelas kelihatan ialah rombus, bulat, segi empat bersudut bulat dan ogi.
- iii. Interpretasi:
 - a. segi empat bersudut bulat melambangkan kesatuan Pencipta yang meluas ke alam semesta dan kehidupan. Persegi, dengan sisi-sisinya yang sama panjang, melambangkan keadilan, kestabilan, kesempurnaan, dan ketetapan, dan mewakili empat arah kardinal atau empat unsur alam. Selain daripada itu segi empat juga turut melambangkan dunia.

- b. Bulat membawa maksud simbol agama yang menekankan Keesaan Tuhan (Park, J., 2018). Reka corak geometri berbentuk bulat mempunyai simbolisme keagamaan dan turut digunakan oleh ahli sufi bagi melambangkan syurga atau alam baka' (Mohd Nur Shafiq Harun & Mohd Samsudin. 2022). Bulat juga terinspirasi oleh matahari, bulan purnama, dan langit yang memayungi, adalah representasi undang-undang kosmik seperti putaran malam dan siang, kematian dan kebangkitan. Beberapa teori seni mengaitkan bulatan sebagai bentuk dengan dimensi agama, iaitu melingkar sekitar Kaaba. Bulatan menghasilkan bentuk spiral yang menunjukkan pergerakan benda-benda langit, dan bentuk-bentuk ini juga hadir dalam senibina Islam contohnya Masjid Samarra.
- c. Reka corak ogi menggambarkan keseimbangan dan simetri. Ogi sering digunakan untuk menciptakan pola-pola yang rumit dan simetri dalam seni Islam. Dalam hal ini, ogi boleh diterjemahkan sebagai simbol kesatuan dan harmoni. Reka corak ogi ini terdapat dalam pelbagai unsur senibina seperti gerbang, kubah, mihrab dan hiasan dinding pada seni bina masjid. Reka corak geometri bulat dan ogo ini boleh dilihat pada seni bina yang terdapat pada kubah Mashid Sheikh Lotfollah di Esfahan, Iran (Rajah 5).




Rajah 5: Contoh reka corak geometri bulat dan ogi pada kubah dalam seni bina Masjid Sheikh Lotfollah di Esfahan, Iran.

(Sumber: Photograph by Nick Taylor, distributed under a Creative Commons Attribution 2.0 Generic)

5.3 Analisa iluminasi halaman akhir Kitab Dalail al -Khairat

Bahagian ini membincangkan hasil analisis terhadap struktur iluminasi yang terdapat pada halaman terpilih dalam Kitab Dalail al-Khairat. Pemerhatian menunjukkan bahawa reka bentuk iluminasi tersebut menonjolkan penggunaan garisan yang membentuk corak geometri tertentu, sama ada yang nyata mahupun tersembunyi.



Rajah 6: Garisan luar pada halaman iluminasi Kitab Dalail al Khairat.

(Sumber: Penyelidik, 2024)

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6, garisan biasa mewakili corak geometri utama manakala garisan putus-putus menunjukkan struktur geometri yang tersembunyi di sebalik reka bentuk tersebut.

5.3.1 Formalistik

Penggunaan unsur seni pada halaman reka corak iluminasi halaman akhir seperti garisan lurus dan beralun digunakan pada bahagian bingkai yang mengandungi motif flora dan tulisan khat. Warna yang harmoni bersesuaian dengan motif yang dihasilkan dan gabungan warna panas dan sejuk iaitu warna merah, kuning dan emas, coklat, biru muda, biru tua dan hitam pada teks kaligrafi. Secara keseluruhan reka corak halaman iluminasi ini bersifat simetri terutama di halaman kanan dan kiri yang seolah pantulan. Begitu juga di pada setiap motif dan kubah yang terdapat pada halaman tersebut yang simetri dan seimbang dari pelbagai sudut. Garis kasar reka corak pada halaman iluminasi Kitab Dalail al-Khairat menunjukkan unsur-unsur seni dan prinsip rekaan yang memperlihatkan rupa geometrik, rupa geometrik di bahagikan kepada dua bahagian iaitu yang jelas kelihatan pada garisan lurus terutama pada bingkai persegi seperti empat segi tepat dan rombus. Manakala terdapat struktur tersembunyi disebalik reka corak motif terutama di bahagian dalam serta bentuk kubah atau tebar layar di bahagian jidar atas, jidar luar dan ekor jidar. Pengulangan pada reka corak motif dan geometri asas dapat dilihat pada setiap hiasan.


5.3.2 Semiotik

i.Representasi: menunjukkan halaman iluminasi manuskrip yang mengandungi reka corak asas geometri.

ii.Objek: Geometri asas yang jelas kelihatan ialah segi empat tepat, rombus dan segi tiga.

iii.Interpretasi:

- a. segi empat tepat melambangkan kesatuan Pencipta yang meluas ke alam semesta dan kehidupan. Persegi, dengan sisi-sisinya yang sama panjang, melambangkan keadilan, kestabilan, kesempurnaan, dan ketetapan, dan mewakili empat arah kardinal atau empat unsur alam. Selain daripada itu segi empat juga turut melambangkan dunia. Bentuk persegi yang boleh dikaitkan dengan seni bina ialah ka'abah (Rajah 7).



Rajah 7 Seni bina ka'abah

(Sumber: Photograph by Moataz Egbaria, distributed under a Creative Commons Attribution-Share Alike 3.0 Unported)

- b. Rombus tidak mempunyai makna khusus atau simbolik. Istilah "rombus" adalah istilah geometri yang merujuk kepada bentuk segi empat yang mempunyai semua sisi yang sama panjang tetapi tidak semestinya mempunyai sudut tepat. Namun begitu, dari segi bentuk empat segi ini mungkin mewakili simbol Kesatuan dan Keseimbangan kerana kedudukannya stabil dan seimbang malah boleh dikatakan

bersifat simetri. Reka corak geometri rombus ini boleh ditemui pada seni bina Alhambra (Rajah 8).



Rajah 8 Contoh reka corak geometri rombus pada seni bina Alhambra


(Sumber: Photograph by Gianni Cossu, distributed under a Creative Commons Attribution-Share Alike 3.0 Unported)

- c. Segi tiga menggambarkan keharmonian dalam Islam atau keinsafan sebagai manusia. Segitiga juga menunjukkan hubungan rapat antara langit dan bumi, antara jiwa dan doa yang naik ke langit atau menunjukkan rahmat Ilahi. Menurut Hayam Mahdy Salama (2019) ia merujuk kepada 3 bahagian iaitu permulaan – pertengahan – akhir (struktur asas sesuatu peristiwa atau cerita). Manusia-kehadiran - Jiwa/Roh (aspek kewujudan manusia, termasuk jasad dan roh). Kehidupan – Kelahiran – Pertumbuhan – Kematian (kitaran kehidupan manusia dari awal hingga akhir). Selain itu, ia juga merupakan suatu manifestasi semula jadi yang mencadangkan tapak yang stabil untuk ketauhidan berada dalam keadaan yang seimbang dan kukuh. Segitiga juga merujuk kepada ketuhanan, penyelarasan, dan kesesuaian (Mohamad Kamal bin Abd. Aziz (2015). Segi tiga juga boleh ditemui pada seni bina sepertimana Rajah 9 menunjukkan segi tiga pada seni bina kubah rumah traditional melayu manakala Rajah 10 menunjukkan segi tiga pada menara Masjid Samarra.



Rajah 9 Contoh struktur geometri segi tiga pada seni bina kubah rumah traditional melayu.

(Sumber: Photograph by Gianni Cossu, distributed under a Creative Commons Attribution-Share Alike 3.0 Unported)



Rajah 10: Contoh struktur geometri segi tiga pada seni bina menara Masjid Samarra.

(Sumber: Photograph by IgorF, distributed under a Creative Commons Attribution-Share Alike 3.0 Unported)

6.0 DAPATAN & KEPUTUSAN

Berikut ialah hasil daripada analisa simbol dan makna disebalik reka corak geometri dalam iluminasi Dalail al-Khairat.

Jadual 1 Reka corak geometri berdasarkan simbol dan makna.

Reka corak geometrik	Makna
1. Segi empat tepat	Ditafsirkan sebagai kesatuan Pencipta dalam alam semesta dan kehidupan. Melambangkan keadilan, kestabilan, kesempurnaan, ketetapan, dan mewakili empat arah atau empat unsur alam. Selain daripada itu segi empat juga turut melambangkan dunia.
2. Rombus	Rombus tidak mempunyai makna khusus atau simbolik. Namun begitu, dari segi bentuk empat segi ini mungkin mewakili simbol kesatuan dan keseimbangan kerana kedudukannya stabil dan seimbang malah boleh dikatakan bersifat simetri.
3. Segi tiga	Segi tiga menunjukkan hubungan rapat antara langit dan bumi. Mempunyai 3 penjuru yang stabil dan kukuh. Terdiri daripada dua tapak dan satu puncak lambang kepada ketuhanan dan tauhid.
4. Bulat	Rupa bulat membawa maksud simbol agama yang menekankan Keesaan Tuhan. Merujuk kepada simbolik keagamaan yang melambangkan syurga atau alam baka'. Bulat juga terinspirasi oleh matahari, bulan purnama atau menggambarkan kosmik seperti putaran malam dan siang. Bulat juga dikaitkan dengan dimensi agama, iaitu pusingan sekitar Kaabah. Selain itu seni bina masjid juga mempunyai rupa bulat terutama di bahagian dalam masjid iaitu kubah.
5. Ogi	Rupa ogi menggambarkan keseimbangan dan simetri. Ogi sering digunakan untuk menciptakan pola-pola yang rumit dan simetri dalam seni Islam. Dalam hal ini, ogi boleh diterjemahkan sebagai simbol kesatuan dan harmoni. Reka corak ogi ini terdapat dalam pelbagai unsur senibina seperti gerbang, kubah, mihrab dan hiasan dinding pada seni bina masjid.

Hasil daripada analisa dalam Jadual 1.1 mendapati bahawa terdapat makna di setiap reka corak geometri dalam sesebuah iluminasi manuskrip. Setiap susunan dan reka letak hiasan di dalam iluminasi manuskrip yang dianalisa iaitu Dalail al-Khairat mengandungi simboliknya tersendiri. Walaupun secara umumnya reka corak illuminasi Dalail al-Khairat tersebut lebih didominasi dengan corak vegetal namun asasnya adalah bersandarkan reka corak geometrik sama

ada jelas atau struktur yang tersembunyi. Penyelidik berpendapat bahawa setiap reka bentuk atau corak yang digambarkan mempunyai hubungkait dengan alam oleh Maha Pencipta. Tidaklah sesuatu itu diciptakan melainkan untuk diterokai dan dikaji menggunakan akal yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk mengenal akan diriNya

Kajian ini mendapati bahawa corak geometri dalam iluminasi manuskrip Dalail Al-Khairat Terengganu (MSS2586) bukan sekadar elemen hiasan, tetapi mengandungi makna simbolik yang berkait rapat dengan nilai spiritual, estetika Islam, serta fungsi praktikal dalam pembacaan teks. Lima bentuk utama yang dikenalpasti dalam iluminasi manuskrip ini ialah segi empat tepat, rombus, segi tiga, bulat, dan ogi, masing-masing dengan makna tersendiri:

1. Segi Empat Tepat - Lambang Kestabilan dan Struktur

Segi empat tepat sering digunakan dalam bingkai halaman atau panel iluminasi untuk mengukuhkan struktur keseluruhan reka bentuk manuskrip. Bentuk ini melambangkan kestabilan, keteraturan, dan keseimbangan, mencerminkan prinsip keadilan serta sistem yang teratur dalam ajaran Islam. Penggunaan segi empat tepat dalam iluminasi juga membantu mencipta komposisi yang tersusun, membimbing mata pembaca untuk memberi fokus kepada teks utama.

2. Rombus - Dinamika dan Keseimbangan Dualiti

Rombus, yang merupakan variasi bentuk segi empat tetapi dengan sudut condong, melambangkan dinamika dan keseimbangan dalam kehidupan. Dalam konteks iluminasi Dalail Al-Khairat, rombus sering digunakan untuk menghiasi pertemuan antara elemen-elemen geometri lain, menunjukkan keharmonian antara dunia fizikal dan rohani. Bentuk ini juga dikaitkan dengan konsep keseimbangan antara jasmani dan spiritual, kerana coraknya yang simetri menyerupai refleksi yang stabil tetapi bergerak.

3. Segi Tiga - Hubungan antara Pencipta, Alam, dan Manusia

Segi tiga dalam iluminasi manuskrip ini sering digunakan dalam susunan berulang, membentuk motif yang lebih besar dan kompleks. Bentuk ini melambangkan kesatuan tiga elemen utama dalam ajaran Islam: Allah SWT sebagai Pencipta, alam semesta sebagai ciptaan, dan manusia sebagai khalifah. Ia juga dikaitkan dengan arah pergerakan menuju satu titik pusat, melambangkan perjalanan rohani menuju ketauhidan.

4. Bulat - Kesempurnaan dan Keesaan Ilahi

Bulat adalah bentuk yang paling sempurna dalam geometri kerana tidak mempunyai permulaan atau penghujung. Dalam iluminasi Dalail Al-Khairat, bulatan melambangkan kesempurnaan, keesaan Allah SWT, serta keterhubungan tanpa batas antara makhluk dan Pencipta. Ia sering digunakan dalam komposisi utama, seperti bingkai pusat atau motif utama, bagi menekankan kepentingan sesuatu bahagian dalam teks.

5. Ogi - Keanggunan dan Kehidupan Berterusan

Ogi (bentuk lengkung seperti daun atau mata) sering ditemui dalam seni Islam, khususnya dalam reka corak Islami. Bentuk ini melambangkan pertumbuhan, kesinambungan, dan hubungan antara unsur alam. Dalam iluminasi Dalail Al-Khairat, ogi sering muncul dalam kombinasi dengan motif tumbuhan dan arabes, menekankan konsep kehidupan yang sentiasa berkembang serta hubungan makhluk dengan alam dan ketuhanan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa corak geometri dalam iluminasi Dalail Al-Khairat bukan sekadar elemen estetika, tetapi juga mengandungi makna mendalam yang mencerminkan nilai spiritual, falsafah Islam, serta peranan seni dalam mengukuhkan pengalaman rohani pembaca. Berikut adalah falsafah Islam yang boleh dihubungkan dengan penggunaan corak geometri dalam iluminasi Dalail Al-Khairat Terengganu (MSS2586):

1. Tauhid (Keesaan Allah SWT) – Penggunaan bentuk geometri seperti bulatan melambangkan keesaan Allah SWT, yang tidak mempunyai permulaan atau pengakhiran. Ini mencerminkan konsep ketauhidan dalam Islam, di mana segala sesuatu kembali kepada satu sumber yang mutlak.
2. Keseimbangan dan Harmoni – Prinsip keseimbangan dalam reka corak geometri menggambarkan keharmonian alam ciptaan Allah. Bentuk segi empat tepat dan rombus, yang tersusun simetri, menunjukkan aturan dan keseimbangan yang menjadi asas dalam kehidupan manusia.
3. Perjalanan Rohani dan Transformasi – Segi tiga sering dikaitkan dengan perjalanan menuju kesempurnaan rohani. Bentuk ini melambangkan hubungan antara manusia, alam, dan Allah SWT, mencerminkan konsep penyucian diri dalam mencapai maqam yang lebih tinggi dalam kehidupan spiritual.
4. Keteraturan dan Keindahan Ilahi – Keindahan dalam reka corak geometri bukan sekadar estetika, tetapi juga melambangkan susunan alam semesta yang diciptakan dengan penuh ketertiban. Dalam falsafah Islam, seni tidak hanya bertujuan untuk menghiasi, tetapi juga untuk mengingatkan manusia akan kebesaran Pencipta.
5. Kehidupan Berterusan dan Kesenambungan – Bentuk ogi yang menyerupai lengkungan tumbuhan dalam corak Islami melambangkan pertumbuhan, kesinambungan ilmu, dan kehidupan yang sentiasa berkembang. Ini sejajar dengan prinsip Islam yang menekankan kepentingan ilmu dan hubungan manusia dengan alam sekeliling.

Kesemua elemen ini menunjukkan bahawa falsafah Islam bukan sahaja terpahat dalam ajaran agama, tetapi juga diterapkan dalam seni iluminasi manuskrip, menjadikannya sebagai satu bentuk ekspresi spiritual yang mendalam.

7.0 KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa corak geometri dalam iluminasi Dalail Al-Khairat bukan sekadar mengandungi unsur estetika, tetapi juga berfungsi sebagai medium penyampaian makna yang mendalam. Bentuk-bentuk geometri seperti segi empat tepat, rombus, segi tiga, bulat, dan ogi bukan sahaja memperkaya keindahan manuskrip tetapi turut menyampaikan simbolisme Islam yang mencerminkan kestabilan, keseimbangan, perjalanan rohani, serta keesaan Allah SWT. Selain itu, iluminasi ini berfungsi untuk membimbing pembaca dalam navigasi teks, menjadikan pengalaman membaca lebih berstruktur dan bermakna.

Dapatan ini membuktikan bahawa seni iluminasi dalam manuskrip Melayu bukan sekadar hiasan, tetapi mempunyai fungsi yang lebih mendalam dalam memperkukuh hubungan antara teks, pembaca, dan ajaran Islam. Reka bentuk geometri mempunyai simbol atau perlambangan yang perlu dikupas dengan lebih mendalam. Setiap reka corak geometri ini terhasil daripada inspirasi alam yang digayakan dan diubah daripada asal. Ia mewakili suatu konsep atau perlambangan yang merujuk kepada ciptaan Ilahi dan terkandung rahsiaNya. Proses stailisasi,

dinaturalisasi dan abstraksi digunakan untuk memeterai konsep perhambaan terutamanya oleh seniman Islam. Bahkan reka bentuk geometri ini bukan sahaja diterjemahkan dari sudut seni malah melalui pandangan matematik. Konsep matematik memainkan peranan penting dalam menyelidiki pelbagai aspek lain dan ianya berkait rapat dan bersatu dengan kesenian. Selain daripada itu, reka corak geometri ini menyerlahkan permaknaaan yang mungkin kita tidak sedari di sebalik rekaan pada setiap hasil seni Islam. Pendekatan semiotik ini amat sesuai digunakan untuk mengupas dan menterjemahkan makna disebalik reka bentuk geometri tersebut.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua individu yang telah menyumbang kepada penulisan ini. Kami juga merakamkan terima kasih kepada pakar yang telah berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan perspektif mereka. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) kerana menyediakan akses kepada koleksi Dalail Al-Khairat dan kerjasama sepanjang penyelidikan.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

Senarai Rujukan

- Annabel Teh Gallop (2017): *Audiences and an artist: illumination in Malay literary manuscripts*, *Indonesia and the Malay World Journal*, 45(132), 146–178. DOI: 10.1080/13639811.2017.1316055
- Burak, G. (2021). *Prayers, Commentaries, and the Edification of the Ottoman Suppliant*. In the Ottoman Empire, c. 1450–c. 1750. OAPEN.
- Critchlow, K. (1976). *Islamic patterns: An analytical and cosmological approach*. Thames & Hudson.
- Emad Al Dein Hasan Al Fahmawee (2022). Semiotics As An Approach To The Analysis Of Symbolism In Islamic Architectural Arts. *Architecture and Engineering*. 7(2), 03–19.
- Ensaif, H. H., & Kishor, S. (2025). Symbolism in Islamic Art: An Analysis of Ornamentation and Arabic Calligraphy. *Asian Journal of Management, Entrepreneurship and Social Sciences*. 5(03), 1-14. DOI: <https://doi.org/10.63922/ajmes.v5i03.1304>
- Hanash, I. M. (2017). *The theory of Islamic art: Aesthetic concept and epistemic structure*. The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Hayam Mahdy Salama(2019) *The role of Sacred Geometry in forming Islamic art*. Majalah Arsitektur dan Seni, Edisi ke-14 DOI: 10.12816/mjaf.2019.25810
- Mohamad Kamal bin Abd. Aziz (2015), Kritikan Seni Dan Identiti Budaya Melayu: Suatu Tinjauan Terhadap Karya Mohamad Hoessein Enas Dan Syed Ahmad Jamal, *ICOMHLAC2015 eproceedings 16-17 Disember 2015*, Century Helang Hotel, Pulau Langkawi UiTM Cawangan Kedah-INSPIR, ms 191-208
- Mohd Nur Shafiq Harun & Mohd Samsudin. 2022. Nilai estetika keindahan motif dan corak seni ukiran kayu rumah Limas Belanda di Terengganu [The aesthetic value the beauty of motifs and patterns of wood carving art of Rumah Limas Belanda in Terengganu]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 36-51.
- Necipoğlu, G. (1995). *The Topkapı scroll: Geometry and ornament in Islamic architecture*. Getty Center for the History of Art and the Humanities.

- Omar, M., Ibrahim, M., Abdullah, I., Yaakub, R., Mohd Razali, H., Md Hashim, S. F., Daud, M. Z., & Jakaria, R. B. (2023). Geometrics in the illumination of Terengganu Quran manuscript (L.M.N.T 2002.1). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1107-1118. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.372>
- Park, J. (2018). Cultural and Mathematical Meanings of Regular Octagons in Mesopotamia: Examining Islamic Art Designs. *Journal of History Culture and Art Research*, 7(1), 301-318. DOI:<http://dx.doi.org/10.7596/taksad.v7i1.1354>
- Rohidi, T.R. & Husain A.H. (2015). *Metodologi penelitian seni*. Semarang: Cipta Prima Nusantara.
- Saoud, R. (2004). *Introduction to Muslim Art*. London: FSTC.
- Siti Fairuz Md Hashim (2024), *Manifestation Of Meaning In National Identity Through Semiotic Theory Approach In The National Day Logo Of Malaysia*, Thesis UiTM
- Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad, Issarezal Ismail , Muhamad Rozali Othman, Mohd Daud Abdul Rahim, Mohd Nafis Saad (2023), Interpretasi Simbolik Karya Seni Visual Bertajuk Walk in Silence Oleh Saiful Razman Dalam Konteks Fenomena Covid-19 *Idealogy Journal*, 8(1), 64-74, DOI: <https://doi.org/10.24191/idealogy.v8i1.396>
- Yahya, F. (2021). Illustrated and Illuminated Manuscripts of the Dalā'il al-Khayrāt from Southeast Asia. *Journal of Islamic Manuscripts*, 12(3–4), 529–560.
- Zahra, F., & Shahir, S. B. (2022), The Spiritual Aesthetics of Islamic Ornamentation and the Aesthetic Value in Islamic Architecture. *Journal of Islamic Thought and Civilization* 12(1), 116-28.